



International Baccalaureate
Baccalauréat International
Bachillerato Internacional

Diploma Programme
Programme du Diplôme
Programa del Diploma

Malay ab initio
Language-specific syllabus

Malais ab initio
Programme spécifique

Malayo ab initio
Programa de estudios específico

Bahasa Melayu ab initio

Sukatan khusus bahasa

First assessment 2020
Première évaluation en 2020
Primera evaluación 2020

Pengenalan


Sukatan khusus bahasa ini harus dibaca bersama dengan *Panduan bahasa ab initio* yang diterbitkan pada bulan Februari 2018.

Tema, topik dan subtopik

Kursus ab initio adalah berpusatkan di sekitar lima tema yang telah ditetapkan, setiap tema masing-masing mengandungi empat topik yang telah ditetapkan. Ini menyediakan satu kerangka bagi pemerolehan bahasa sasaran. Setiap tema dan topik yang terdapat dalam panduan mestilah diajar. Walau bagaimanapun, cara penyampaian akan berbeza-beza untuk menggambarkan minat dan keperluan pelajar. Guru-guru adalah dibenarkan untuk memasukkan topik-topik tambahan tetapi adalah diingatkan bahawa menambahkan topik tambahan tidak boleh mengorbankan masa yang dihabiskan untuk tema dan topik lain yang telah ditetapkan.

Dalam setiap topik, cadangan subtopik telah diberikan supaya boleh diterokai. Hal ini memberikan konteks untuk topik dan memberi pilihan kepada pembendaharaan kata. Subtopik-subtopik yang dicadangkan ini adalah tidak lengkap tetapi merupakan petunjuk kepada perkara-perkara yang guru boleh putuskan untuk sesuatu tajuk itu diselesaikan. Guru-guru adalah dibenarkan untuk memperkenalkan subtopik tambahan seperti yang dikehendaki.

Tema-tema, tajuk-tajuk dan cadangan subtopik yang disarankan dan terkandung dalam sukatan ini, adalah seperti yang berikut:



Pemikiran-antarabangsa dan pemahaman antara budaya

Oleh kerana pemikiran-antarabangsa adalah teras kepada falsafah IB, guru-guru adalah digalakkan untuk mendekati tema dan topik ini dengan cara memupuk pemahaman antara budaya. Guru boleh mendekati tema dan topik supaya pelajar dapat menerangkan, membandingkan dan membezakan aspek antara budaya mereka sendiri dengan budaya sasaran.

Sebagai contoh, tema "berkongsi planet" dengan topik "alam sekitar" boleh disampaikan dengan melihat kitar semula. Pembendaharaan kata yang berkaitan dengan kitar semula boleh diperkenalkan dan kemudian cara dan bahan yang dikitar semula dalam pelbagai budaya (sesuai untuk peringkat pelajar) adalah disiasat. Siasatan menggunakan bahan asli dari budaya bahasa sasaran itu akan dianalisis oleh pelajar (mengapa sesetengah bahan yang lebih sesuai untuk dikitar semula dalam sesetengah persekitaran berbanding dengan yang lain?) dan kemudiannya membuat banding beza dengan pengalaman dan budaya pelajar sendiri.

Perancangan kursus

Guru-guru adalah digalakkan untuk mengambil kesempatan daripada kesalinghubungan dan bertindan-tindih antara tema dalam membangunkan struktur kursus dan perancangan unit. Kesalinghubungan mata pelajaran Program Diploma dengan komponen utama seharusnya dijelaskan secara eksplisit dan nyata kepada pelajar bahasa ab initio. Pelan kepada sampel unit dalam dokumen ini berfungsi sebagai satu gambaran cara perlaksanaan kesalinghubungan dan bertindan-tindih antara tema ini dapat dilakukan. Maklumat tentang kursus dan perancangan unit juga boleh didapati dalam bahan sokongan guru (TSM).

Tema: Identiti

Atribut Peribadi

- Sikap
- Tubuh
- Pakaian
- Maklumat-maklumat peribadi: alamat, umur, kewarganegaraan, bahasa
- Penampilan fizikal

Hubungan Peribadi

- Komuniti
- Keluarga
- Rakan-rakan
- Pasangan
- Haiwan piliharaan
- Stereotaip

Makanan dan Minuman

- Memasak: peralatan, bahan, arahan, kuantiti, peralatan
- Kulinari tradisi
- Diet: kesihatan, pantang makanan, alahan
- Barang-barang runcit
- Kedai dan pasar
- Makanan
- Restoran

Kesejahteraan Fizikal

- Kemalangan: kit pertolongan cemas, kecemasan
- Tubuh
- Doktor: temu janji
- Kesihatan: gaya hidup, kecergasan
- Hospital dan kemudahan penjagaan kesihatan: kaki tangan, bangunan
- Penyakit
- Ubat-ubatan: Farmasi, preskripsi

Tema: Pengalaman

Rutin Harian

- Rumah
- Sekolah
- Tempat kerja
- Membeli-belah: kredit, kastam, wang, beli-belah dalam talian, transaksi
- Interaksi sosial: ucapan salam, adab di meja
- Hari minggu
- Hujung minggu

Waktu lapang

- Activiti-aktiviti
- Kemudahan-kemudahan
- Sukan: peralatan, acara, pasukan, jenis, tempat

Percutian dan pelancongan

- Penginapan
- Activiti-aktiviti
- Lawatan/rombongan
- Jenis percutian: pantai, bandar, keluarga
- Tempatan: adat, makanan, tradisi
- Maklumat pelancongan
- Perjalanan: susunan, tambang, tempahan

Perayaan dan sambutan

- Sambutan keluarga
- Perayaan
- Cuti: kebangsaan, awam
- Upacara tradisi/kekeluargaan: sambutan hari jadi, majlis bertunang
- Majlis khas
- Tradisi

Tema: Kepintaran manusia

Pengangkutan

- Kerosakan
- Berulang-alik
- Arah
- Memandu: gangguan, peralatan, kerosakan, kelajuan
- Kecemasan
- Bahaya
- Cara pengangkutan
- Pengangkutan awam
- Peraturan dan undang-undang

Hiburan

- Seni
- Selebriti
- Filem
- Muzik
- Teater
- Tempat

Media

- Pengiklanan
- Bias
- Berita
- Siaran akhbar
- Radio
- Media sosial
- Televisyen

Teknologi

- Hubungan siber: membuli, perkongsian
- Keselamatan siber
- Gamifikasi
- Internet: perbankan, hiburan, penyelidikan, membeli-beli
- Komunikasi mudah-alih
- Rangkaian sosial
- Penggunaan teknologi: sekolah, waktu lapang, kerja

Tema: Organisasi Sosial

Kejiranan

- Bangunan: siviks, persendirian, awam
- Komuniti: acara, ahli
- Arahan
- Kemudahan: perbankan, pos, rekreasi, kitar semula
- Monumen
- Perbandaran: bandar, pekan, kampung
- Jiran
- Jenis perumahan

Pendidikan

- Sistem pendidikan
- Peralatan dan bekalan
- Peperiksaan
- Aktiviti Ko-kurikulum
- Kemudahan
- Kalender sekolah
- Pelajar
- Subjek
- Guru
- Jadual waktu
- Pakaian seragam
- Universiti

Tempat kerja

- Kerjaya
- Latihan kerja
- Profesion
- Kelayakan
- Pengangguran
- Syarat-syarat kerja: rakan sekerja, gaju, jadual

Masalah sosial

- Masalah gender
- Diskriminasi
- Dadah
- Gelandagan
- Ketidaksamaan
- Sistem perundangan
- Perkahwinan
- Peraturan dan undang-undang
- Kesihatan awam
- Pengangguran

Tema: Perkongsian planet

Iklim

- Perubahan iklim
- Pemanasan global
- Bencana alam
- Musim
- Cuaca: keadaan, kesan ke atas kehidupan seharian, ramalan cuaca

Geografi fizikal

- Kawasan berair
- Bentuk muka bumi
- Peta
- Kawasan luar bandar
- Kawasan bandar

Alam sekitar

- Ekologi
- Spesies terancam
- Sumber semula jadi
- Pencemaran
- Kitar semula dan guna semula
- Kemampunan
- Pembaziran

Isu global

- Pertubuhan bantuan
- Epidemik
- Tenaga
- Hak kemanusian
- Migrasi: imigresen, pelarian
- Nuklear: tenaga, senjata
- Keamanan
- Populasi
- Kemiskinan
- Keganasan
- Peperangan

Tema dan topik pengajaran

Berikut adalah gambaran beberapa cara sesuatu tema dan topik tertentu boleh diajar.

Tema: Identiti

Topic: Makanan dan minuman

Subtopik	Konteks	Tujuan	Aktiviti bilik darjah	Jenis teks	Tatabahasa dan butiran leksikal
Barang runcit Memasak: bahan, kuantiti	Di kedai	Membeli	Main peranan	Senarai, iklan, resepi	Roti, wain, keju, kilo, liter, nombor, imperatif, bersyarat
Memasak: arahan	Di rumah	Memberi dan menerima arahan	Tunjuk cara	Resepi, buku masakan, klip video pendek	Kandungan, kuantiti, campur, kacau, tambah, masak, imperatif.
Memasak: peralatan, perkakas	Di rumah	Mengambarkan	Membentangkan gambar	Brosur, katalog	Peti ais, oven, sudu, elektrik, hadir
Tradisi kuliner	Di rumah	Memngambarkan, membandingkan, membezakan	Penyampaian secara lisan dalam acara khas	Klip video ringkas, risalah	Ahli keluarga, kewarganegaraan, acara, imperatif, bersyarat.
Diet: pantang makanan, alahan	Di restoran	Memberi dan meminta nasihat	Main peranan	Garis panduan, menu	Alahan, orang yang tidak makan daging, halal, kosher, rendah lemak, harga, kata kerja impersonal, membina ayat
Pasar dan kedai	Di jalan	Memberi nasihat dan tunjuk arah	Main peranan	Peta	Bakeri, penjual daging, pasar raya, Imperatif, kata kerja modal
Hidangan	Di restoran, di rumah	Mengambarkan, membandingkan, membezakan	Menghasilkan menu	Email, senarai, jemputan, menu	Masa, kursus, bersyarat, masa hadapan
Restoran	Di restoran	Memilih restoran dan memilih makanan	Main peranan	Semakan, media sosial, hantaran, menu	Jenis restoran, pilihan makanan, bersyarat, masa hadapan

Sampel plan unit intergratif: Kawasan rumah saya

Perkara berikut menggambarkan plan unit yang mengabungkan unsur teras DP (TOK, CAS), ATL, pemikiran antarabangsa, pemahaman konseptual, dan pembangunan kemahiran serta mencadangkan aktiviti dan sumber yang boleh digunakan.

Tema: Organisasi sosial, perkongsian planet, kebijaksanaan manusia

Topik: Isu-isu social, persekitaran sambutan dan perayaan.

Topik-topik <ul style="list-style-type: none"> ● Perayaan dan sambutan ● Persekutaran ● Isu sosial 	Tema utama (dan teman yang berkaitan) <ul style="list-style-type: none"> ● Organisasi sosial ● Perkongsian planet ● Kebijaksanaan manusia 	Matlamat perolehan bahasa. <ol style="list-style-type: none"> 1. membangunkan pemikiran antarabangsa melalui kajian bahasa dan isu-isu kepentingan global 2. membolehkan pelajar berkomunikasi dalam bahasa sasaran, dalam pelbagai konteks untuk pelbagai tujuan 	Pemahaman konsep <ul style="list-style-type: none"> ● Khalayak: Siapakah sasaran pembaca teks? Bagaimanakah khalayak yang berbeza memahami isu yang sama? Apakah hubungan dengan orang yang disasarkan? Bahasa yang manakah sesuai dengan rakan atau rakan dalam talian berbeza dengan guru besar? Adakah saya akan gunakan bahasa yang santun atau tidak formal? ● Tujuan: Mengapakah pesanan dibuat? Apakah yang cuba dicapai? Bagaimanakah saya menyampaikan pesanan untuk tujuan tersebut? ● Konteks: Apakah situasinya? Sejauh manakah penerima tahu situasi tersebut? Sudut pandangan siapakah yang telah diwakili atau ditinggalkan? 	Pautan ke TOK/ CAS <ol style="list-style-type: none"> 1. Sejauh manakah pelajar di sekolah anda sedar mengenai isu alam sekitar? Bagaimanakah isu dalam alam sekitar didekati di sekolah anda? Jalankan 	Soalan panduan <p>Bagaimanakah kehidupan orang tempatan di kawasan saya berbeza daripada yang di (negara)?</p> <p>Apakah peranan saya di bandar tempat saya tinggal? Bagaimanakah</p>	Kemahiran dan cadangan aktiviti <p>ISU KOTA</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Podcast/Video: Wartawan sedang bercakap dengan penduduk tempatan berkaitan isu kota yang memerlukan perhatian yang segera (RESEPTIF: PENDENGARAN) ● Artikel berkaitan kempen baharu untuk menggalakkan orang ramai untuk mengurangkan penggunaan kereta di bandar. (RECEPTIF: MEMBACA) 	Teks cadangan <p><i>Receptif</i></p> <p>Interview Artikel Lagu Podcast Video Brosur</p> <p><i>Produktif</i></p>	Minda Antarabangsa <p>Kesedaran terhadap pelbagai keperluan dan isu sosial yang lain di seluruh dunia.</p> <p>Kesedaran kerja amal di peringkat tempatan, kebangsaan dan antarabangsa serta peranan festival dalam komuniti.</p>
--	---	--	--	---	--	---	--	---

<p>tinjauan dan mulakan kempen untuk mengadakan sekolah yang lebih hijau. (CAS)</p>	<p>peranan ini berbeza daripada remaja di negara lain?</p>	<ul style="list-style-type: none"> Wakil pelajar menyampaikan ucapan di sekolah berkaitan bagaimana menangani sisa buangan dan bagaimana mengurangkan pembuangan sisa makanan (PRODUKTIF: PENULISAN DAN BERTUTUR) 	<p>Ucapan Poster Blog media sosial Laporan Pengumuman radio Entri diari Puisi Lirik</p>	<p>Persekutuan yang dibincangkan secara tempatan dan global – perasaan saya terhadap kawasan tempatan saya dan tempat lain.</p>
<p>2. Bolehkah pertolongan diberikan kepada mereka yang memerlukan dengan cara selain daripada bantuan dari segi kewangan? Apakah cara yang bukan dalam bentuk kewangan yang boleh membantu mereka yang memerlukan? (CAS)</p>	<p>Bagaimanakah kita boleh mengadakan sambutan <i>Carbon</i> secara neutral?</p> <p>Bagaimanakah perjalanan harian saya ke sekolah memberi kesan kepada kesihatan saya dan alam sekitar?</p> <p>Bagaimanakah pengurang sisa makanan dapat dicapai?</p>	<ul style="list-style-type: none"> Poster berbasikal atau berjalan kaki ke sekolah dan tidak menggalakkan penggunaan kereta (PRODUKTIF: PENULISAN) Blog media sosial untuk memujuk penduduk tempatan untuk menghormati persekitaran mereka, contoh: kitar semula dan elakkan perjalanan dengan kereta (PRODUKTIF: MENULIS) Laporan kepada isu utama kota di kawasan permuahan anda (PRODUKTIF: PENULISAN) Tinjauan di kelas “Sejauh manakah ‘hijaunya’ anda?” (INTERAKTIF: MEMBACA & MENULIS) <p>FESTIVAL PENGUMPULAN DANA UNTUK MEMBANTU GELANDANGAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Lagu berkaitan orang yang tidak mempunyai rumah (RECEPTIF: MENDENGAR) Podcast mengenai kempen untuk membantu pihak kebajikan tempatan (RECEPTIF: MENDENGAR) Brosur berkaitan pengumpulan dana untuk membantu badan kebajikan tempatan (RECEPTIF: MEMBACA) Pengumuman radio mengiklankan festival pengumpulan dana: menulis skrip dan merakamkannya (PRODUKTIF: MENULIS DAN BERTUTUR) Entri diari berkaitan pengalaman di festival (PRODUKTIF: MENULIS) Puisi mudah berkaitan gelandangan dari perspektif yang berbeza (contoh, dari sudut pandangan gelandangan sendiri, atau seseorang yang melihat mereka tidur di kaki lima dll (PRODUKTIF: MENULIS) 	<p><i>Interaktif</i> Tinjauan kelas Interview Pertukaran media sosial</p>	<p>Bagaimana sikap saya terhadap alam sekitar mempengaruhi mereka di negara lain? Contoh, kitar semula dan penggunaan biobahan api.</p>
<p>3. Bagaimanakah kebimbangan orang awam terhadap isu perbandaran yang serius adalah berbeza bergantung kepada persekitaran? (TOK)</p>				<p>Profil Pelajar</p> <ul style="list-style-type: none"> berprinsip – pelajar membincangkan tanggungjawab terhadap alam sekitar inkuairi - mempersoalkan sejauh mana bantuan bergantung kepada keupayaan kewangan reflektif- pelajar membuat refleksi mengenai tindakan yang berbeza yang boleh dilakukan oleh orang perseorangan, syarikat dan kerajaan untuk mengurangkan kesan terhadap alam sekitar.
<p>4. Apakah yang dimaksudkan gelandangan dan sejauh manakah perspektif kita terhadapnya</p>				

<p>berdasarkan budaya? (TOK)</p> <p>5. Sejauh manakah pertimbangan alam sekitar berkaitan perayaan sejagat? Apakah yang dimaksudkan untuk menjadi ‘hijau’? Adakah ia sama merentas budaya? (TOK)</p> <p>6. Apakah peranan bahasa dalam pemujukan? (TOK)</p> <p>7. Bagaimanakah kesantunan dinyatakan dalam budaya yang berbeza? (TOK)</p>		<ul style="list-style-type: none"> ● Temuduga dengan penganjur badan amal untuk menjadi salah seorang pekerja sukarelawan (INTERAKTIF: LISAN) ● Pertukaran media sosial melalui aplikasi kumpulan ‘What’s App untuk menjemput rakan-rakan ke festival pengumpulan dana (INTERAKTIF: PENULISAN) 		
ATLs <p>Kemahiran menyelidik: penyelidikan perayaan dalam budaya sasaran</p> <p>Kemahiran berfikir: menganalisis dan membandingkan budaya</p> <p>Kemahiran komunikasi: bagaimana untuk memujuk, menjemput, memaklumkan, mencadangkan</p> <p>Kemahiran sosial:</p>	Penilaian Formatif/Summatif <ul style="list-style-type: none"> ● Penilaian kendiri – jurnal refleksi atau blog ● Penilaian rakan sebaya – pelajar menggunakan kriteria penilaian untuk memberikan maklum balas kepada rakan sebaya untuk aktiviti lisan dan penulisan. ● Entri diari / blog (Latihan Kertas 1) ● Kefahaman membaca & mendengar (Latihan Kertas 2) ● Aktiviti lisan interaktif 	Objektif Penilaian <ul style="list-style-type: none"> ● Berkommunikasi dengan jelas dan berkesan dalam pelbagai konteks dan pelbagai tujuan. ● Memahami dan menggunakan bahasa yang sesuai dengan pelbagai konteks antara budaya dan penerima. ● Memahami dan menggunakan bahasa untuk menyatakan dan memberi maklum balas kepada idea yang pelbagai dengan lancar dan tepat. ● Mengenal pasti, menyusun dan mengemukakan idea mengenai pelbagai topik. 	Intergrasi IT <ul style="list-style-type: none"> ● Membuat penyelidikan dalam talian ● Mendengar dan membuat podcasts ● Menggunakan Dokumen Google untuk kerja kolaboratif ● Forum perbincangan dalam talian ● Blog kelas pada blogger 	

membaca bersama, berpasangan dan berkumpulan Pengurusan diri: keupayaan melakukan penyelidikan secara berdikari dan menyumbang kepada aktiviti pembelajaran kolabratif		<ul style="list-style-type: none"> ● Memahami, menganalisis dan membuat refleksi mengenai pelbagai teks bertulis, audio, visual, dan audio visual. 	
---	--	---	--

Sampel plan unit intergratif: Kawasan rumah saya Bahasa – sumber spesifik

Tema: Organisasi sosial, perkongsian planet, kebijaksanaan manusia

Topik: Isu-isu sosial, persekitaran sambutan dan perayaan

Perkara yang berikut adalah tidak preskriptif atau tidak lengkap. Sumber-sumber yang mewakili contoh ini boleh digunakan, walaupun disenaraikan sedemikian rupa dan boleh didapati dalam talian, namun demikian URLnya adalah tidak disediakan kerana ia mungkin berubah atau sudah tiada lagi. Adalah dicadangkan agar guru-guru mencari **jenis** sumber atau tajuk yang sama.

• Teks

Tip: Sumber boleh diadaptasi supaya boleh dicapai oleh pelajar bahasa ab initio

ISU KOTA

- Infografik: *Fahami keperluan kitar semula – GPS Bestari - Sinar*
- Kuiz dalam talian: *Sejauh manakah 'hijau'nya anda?*
- Tinjauan: *Kesedaran & Penyertaan Program Pengurusan Sampah*
- Dokumentari filem: 'Ke mana sampah kita?' – You Tube
- Dokumentari filem berkaitan pembuangan sampah:
 - *AFlora - Kutipan*
 - *AFlora - Sapuan*
 - *Pelupsan sisa pepejal*
- Brosur: *Pengasingan Sisa Pepejal di Rumah*, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan
- Keratan akhbar: *Kawalan pencemaran bandar raya Asia* – Laman Global, KOSMO, Selasa, 5 Julai 2011
- Utusan Malaysia Online - Jenayah
- Klip video polis Kelantan berjaya tumpas Geng Wani

GELANDANGAN

- Infografik: *Pusat transit gelandangan Kuala Lumpur*
- Video clip Kisah Gelandangan – Projek KASEH4U – You Tube
- Blog: 17 Faktor Berlakunya Fenomena Gelandangan di Malaysia
- Facebook: Program Bantuan kepada Gelandangan
- PressReader: Teo, dari gelandangan kini jutawan
- Filem pendek: Gelandangan – You tube

• Kerja seni

Tip: Apabila merayau imej di Google, pastikan tambah negara di mana bahasa sasaran digunakan untuk meastikan imej yang dicari boleh ditemui dan mencerminkan budaya yang sedang dipelajari.

- Foto / lukisan tempat tinggal gelandangan
- Foto / lukisan kemampunan

• Lagu / Puisi

- Gelandangan
 - *Puisi Anak Jalanan (Puisi dan Kata Bijak – Blog)*

Sukutan Tatabahasa

Tambahan kepada tema dan topik yang ditetapkan dalam sukanan pelajaran bahasa ab initio, guru-guru diharapkan dapat mengintergrasikan sukanan tatabahasa berikut ke dalam kursus ab initio pada tahap-tahp yang sesuai.

Contoh-contoh elemen tatabahasa diberikan seperti di bawah namun demikian senarai contoh ini adalah tidak lengkap.

Golongan kata

Kata nama

- **Kata nama am**
 - Benda hidup manusia - emak, guru, bomba
 - Benda hidup bukan manusia – gajah, kucing, anjing
 - Benda bukan hidup benda – komputer, pen, basikal
 - Benda bukan hidup tempat – stadium, rumah, pulau
- **Kata nama khas**
 - Benda hidup manusia – Puan Rima, Dr. Fatima, Tuan Lim
 - Benda hidup bukan manusia – Pak Belang, Sang Kancil, Pokok Melaka
 - Benda bukan hidup tempat – Kampung Seri Wangi, Pulau Pinang, Rumah P. Ramlee
- **Kata nama terbitan**
 - Awalan – juruwang, jurugambar
 - Akhiran – lautan, daratan
 - Apitan - perumahan, kepulauan
- **Kata ganti nama**
 - Kata ganti diri pertama – saya, aku, kami, kita, beta, patik, hamba
 - Kata ganti diri kedua – awak, engkau, kau, kamu, anda, saudara, saudara, kalian, tuan hamba
 - Kata ganti nama ketiga – dia, mereka, beliau, baginda, -nya
 - Kata ganti nama tunjuk – ini, itu
 - Kata ganti nama tempat – sini, situ, sana
 - Kata ganti nama pertanya - siapa, apa

Kata kerja

- **Kata kerja transitif**
 - membaca, menulis, memasak, manaike, menendang
- **Kata kerja tak transitif**
 - tidur, pergi, menyanyi, berjalan, bangun, pulang

Kata adjektif

- Sifat / keadaan – rajin, sihat, pandai
- Warna – merah, biru, hijau
- Ukuran – besar, kecil, sederhana
- Bentuk – bulat, lurus, segi empat
- Waktu – cepat, lama, baru
- Jarak – dekat, jauh, hampir
- Perasaan – suka, benci, sayang, malu
- Kekerapan – selalu, kadang-kadang, sentiasa
- Pancaindera – wangi, busuk, manis, masam

Kata Tugas

- Kata keterangan / adverba
 - Cara / gaya - tiba-tiba, begini, begitu, demikian, diam-diam
 - Masa / waktu - tadi, belum, sudah, sedang, selama-lamanya, semalam, esok
 - Darjah - sangat, sungguh, paling, terlalu, sekali
 - Ragam / penentu - mesti, harus, semoga, patut, memang
 - Bandingan - seperti, bagai
- Kata hubung
 - Gabungan - serta, dan, tetapi, lalu, sambil, kecuali, sedangkan, manakala, atau
 - Pancangan - jika, kerana, supaya, apabila, kalau, walaupun, agar, sejak, selama
 - Berpasangan - daripada...lebih baik, semakin...semakin, bukan sahaja,...tetapi juga, baik mahupun
- Kata bantu - di, ke, dari, daripada, kepada, pada, untuk, dengan, hingga, oleh, dalam
- Kata sendi - telah, masih, belum, mahu, sudah, akan, boleh
- Kata arah – atas, depan, belakang, luar, dalam, tepi, tengah, timur, barat, utara, selatan
- Kata tanya – apa, siapa, berapa, mana, bila, yang mana, bagaimana, mengapa
- Kata pemerl - ialah, adalah
- Kata nafi - tidak, bukan
- Kata bilangan - banyak, kedua, beberapa, berbagai, berpuluhan-puluhan, seluruh, sedikit, setengah, semua
- Kata seru – oh, wah, wow
- Kata perintah – jangan, tolong, sila, minta, harap

Kata ganda

- adik-beradik, beli-belah, kuih-muih, mandi-manda, saudara-mara, guru-guru, lelaki

Kata majmuk

- ibu bapa, lemah-lembut, pinggan mangkuk, adat resam

Nombor

- satu, dua, tiga, sebelas, lima belas, seratus, empat ribu, juta

Pengimbuhan

- Awalan - ber-, me-, di-, ter-, pe-
- Akhiran - i, -kan, -an
- Apitan - ke-an, per-an, pe-an, me-kan, me-i

Penjodoh bilangan

- batang, biji, buah, helai, ekor, keping, orang, pasang, utas, kuntum

Simpulan bahasa

- ambil berat, buah hati, makan angin, meninggal dunia, pembasuh mulut, teman hidup, buah tangan, khabar angin

Ayat

• Pola ayat dasar

- Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN) – Encik Jaman polis.
- Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK) – Kakak merebus telur.
- Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA) – Budak itu baik.
- Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FS) - Surat ini daripada Linda.

• Jenis ayat

- Ayat penyata
 - Ipoh ibu negeri Perak.
 - Abang sedang bersenam.
- Ayat tanya
 - Apakah nama adik awak?
 - Di manakah rumah Kamal?
- Ayat perintah
 - Sila beratur.
 - Tolong tutup tingkap.

• Ayat seruan

- Aduh, sakitnya perut saya!
- Wah, cantiknya rumah ini!

• Ayat aktif

- Ibu membuat kek pisang.
- Saya sudah makan buah itu.

• Ayat pasif

- Kek pisang dibuat oleh ibu.
- Buah itu sudah saya makan.

• Ayat nafi

- Dia bukan adik saya.
- Ini bukan basikal saya.